



JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI MALAYSIA (JAKOA)

IKLAN JAWATAN KOSONG

TARIKH BUKA IKLAN: 4 NOVEMBER 2022

JAKOA adalah sebuah jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), mempelawa warganegara Malaysia yang berkeelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

JAWATAN	:	PEMBANTU OPERASI (KONTRAK) GRED N11
----------------	----------	--

- 1. Klasifikasi** : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
- 2. Kumpulan** : PELAKSANA
- 3. Taraf Jawatan** : KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE*)
- 4. Penempatan** : SELURUH JAKOA NEGERI
 - 17 KEKOSONGAN
 - 20 SIMPANAN
- 5. Jadual Gaji** : Gred N11

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,216.00	RM 2,983.00	RM 80.00

6. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- 6.1. Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang daripada 18 Tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 6.2. Keutamaan adalah dibuka kepada **Kaum Orang Asli**;
- 6.3. **Lulus** SRP/PMR/PT3 atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengan Kerajaan;

(i) Penaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00) atau;

(ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,262.15).

- 6.4. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

7. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan :

Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan Pembantu Operasi Gred N11 adalah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

8. Ringkasan Tugas :

- 8.1. Menyediakan makanan tambahan kanak-kanak;
- 8.2. Menjaga kebersihan, keceriaan dan keselamatan tabika;
- 8.3. Membantu Pemaju Masyarakat dalam pengajaran dan pembelajaran;
- 8.4. Membantu Pemaju Masyarakat dalam tadbir urus tabika;
- 8.5. Membantu Pemaju Masyarakat dalam mengurus kewangan tabika;
- 8.6. Membantu Pemaju Masyarakat mengendalikan program atau aktiviti yang melibatkan masyarakat;
- 8.7. Menghadiri kursus/bengkel/program yang dianjurkan oleh pihak JAKOA;
- 8.8. Membantu Pemaju Masyarakat merekod dan mengemaskini aset tabika;
- 8.9. Membantu pihak JAKOA mengumpul dan memasukkan data berkaitan dengan Orang Asli seperti bantuan pendidikan/kewangan/perubahan ke dalam sistem;
- 8.10. Membantu pihak JAKOA melaksanakan aktiviti/program anjuran Jabatan;
- 8.11. Membantu tugas-tugas pentadbiran di PKOAD semasa cuti sekolah;
- 8.12. Serta lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa

9. Cara Memohon :

- 9.1. Borang Permohonan boleh didapati Laman Sesawang JAKOA www.jakoa.gov.my.
- 9.2. Semua borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap disertakan gambar terkini berukuran passport;
- 9.3. Mengemukakan maklumat untuk dihubungi yang terkini;
- 9.4. Permohonan yang lewat diterima dan **tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan**;
- 9.5. Hanya calon-calon yang layak **selepas tapisan sahaja akan dipanggil temu duga**;
- 9.6. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas empat (4) minggu dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya**; dan

- 9.7. Borang permohonan perlu di kembalikan semula kepada alamat seperti berikut :-

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Orang Asli

(Kementerian Pembangunan Luar Bandar)

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

Tingkat 20, West Block, Wisma Golden Eagle Realty,

142-C, Jalan Ampang

50548 KUALA LUMPUR

Tel: 03-216140577 ext 231

Emel : psm@jako.gov.my

10. TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA 11 NOVEMBER 2022 (JUMAAT)